



Ruj. Kami : UMPSA.100-1/3/1 (10)
Tarikh : 21 Ogos 2024

Senarai edaran seperti lampiran

YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMPSA BIL. 9 TAHUN 2024 MENGENAI CADANGAN MENERIMA PAKAI PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA: KEMUDAHAN PERUMAHAN KERAJAAN VERSI 2.0 (2022) KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMPSA Bil. 9 Tahun 2024 mengenai Cadangan Menerima Pakai Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Kemudahan Perumahan Kerajaan Versi 2.0 (2022) Kepada Staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah untuk makluman YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendaftar:

- i) Encik Abdul Rahman Bin Ahmad
Pengurus
Tel : 09-431 5982
Emel : rahman@umpsa.edu.my

4. Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,

(HELMI BIN MOHAMED ISA)

Pengurus
Bahagian Pengurusan Governan
Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

PEKELILING PENTADBIRAN UMPSA BIL. 9 TAHUN 2024

CADANGAN MENERIMA PAKAI PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA: KEMUDAHAN PERUMAHAN KERAJAAN VERSI 2.0 (2022) KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

TUJUAN

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan melaksanakan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengurusan Universiti mengenai menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Kemudahan Perumahan Kerajaan Versi 2.0 (2022) kepada staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

LATAR BELAKANG

- 2.0 Mesyuarat Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) Bil. 3/2024 bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Kemudahan Perumahan Kerajaan 2.0 (2022) kepada staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) pada 26 Julai 2024.
- 3.0 Kemudahan perumahan bertujuan kediaman mana-mana staf yang difikirkan sesuai mengikut peraturan berhubung perumahan kerajaan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam yang dinyatakan dalam Perintah-Perintah Am Bab E (Rumah dan Bangunan Kerajaan) Tahun 1974, perenggan C1, Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2002, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008.

- 4.0 UMPSA menyediakan rumah kategori Rumah Khas Jabatan (RKJ) kepada jawatan staf yang memerlukan perkhidmatan luar waktu pejabat untuk keselesaan dan keselamatan pelajar dan staf.

PELAKSANAAN

- 5.0 UMPSA menyediakan Rumah Khas Jabatan (PKJ) bagi pegawai yang mustahak berada setiap masa dekat dengan tempat berkerja kerana kepentingan perkhidmatan pegawai tunggu sedia seperti juruteknik, pegawai perubatan, pegawai keselamatan dan sebagainya.
- 6.0 Memastikan keselamatan dan keselesaan pelajar dan staf yang berada di dalam kawasan kampus.
- 7.0 UMPSA menerima pakai kemudahan perumahan Rumah Khas Jabatan (KRJ) yang diperincikan seperti berikut:

KOD CERAIAN	TEMA	SYOR	JUSTIFIKASI
SR.3.1.1	Peraturan Menduduki Rumah Kerajaan	Terima pakai	Menerima pakai Rumah Khas Jabatan untuk staf tunggu sedia sahaja.
SR.3.2.1	Peraturan Mengosongkan Rumah Biasa Kerajaan	Terima pakai	Universiti berhak mengarahkan penghuni mengosongkan sesebuah rumah Universiti untuk sebarang tujuan atau sebab-sebab lain yang munasabah dengan memberi notis satu (1) bulan atau tempoh masa yang munasabah tanpa bertanggungjawab memberi rumah lain sebagai gantinya.
SR.3.3.1	Bayaran Imbuhan Perumahan Khas	Terima Pakai	Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (COLA) dipotong sebanyak 50% daripada kadar kelayakan staf tunggu sedia yang disediakan kemudahan Rumah Khas Jabatan.

TARIKH KUAT KUASA

8.0 Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa serta merta.

MAKLUMAT PERTANYAAN

9.0 Sebarang pertanyaan berkaitan pekeling ini, mohon dikemukakan kepada;
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Pendaftar
Emel Rasmi: bkp@ump.edu.my

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)

Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh: ~~20~~ Ogos 2024

SENARAI EDARAN

1. **YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Bin Zainuddin**
Naib Canselor / Ketua Pegawai Eksekutif
2. **YBhg. Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Aida Binti Mustapha**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **YH Dato' Saiful Bahri Bin Ahmad Bakarim**
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **YH Dato' Zainudin Bin Othman**
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Cik Kamariah Binti Gono**
Ketua Pustakawan
8. **Puan Marlina Binti Mamat**
Penasihat Undang-Undang
9. **Semua Penolong Naib Canselor**
10. **Semua Dekan Fakulti/ Pusat/ Institut**
11. **Ketua Pegawai Maklumat**
12. **Ketua Pejabat Naib Canselor**
13. **Semua Pengurus Besar/ Pengurus Kanan**
14. **Semua Pengarah Kanan**
15. **Semua Pengarah Pusat/ Pusat Kecemerlangan/ Bahagian/ Unit**
16. **Semua Ketua Pusat Perkhidmatan/ Unit**
17. **Semua Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Eksekutif Anak Syarikat UMPSA**